

23 OCT 1996

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK MERASMIKAN KOMPLEKS LADA

LANGKAWI, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk merasmikan Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Dataran Lang dan Lagenda Langkawi Dalam Taman malam ini.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, Anggota Parlimen kawasan Langkawi Datuk Abu Bakar Taib dan pengurus besar LADA Datuk Haji Halil Mutalib.

Perdana Menteri kemudiannya memandu kenderaan pacuan empat roda untuk melawat limbungan kapal layar kepunyaan sebuah syarikat pembuat kapal untuk melihat kemajuan kapal layar yang beliau telah tempah.

Syarikat pembuat kapal itu telah diberi replika kapal layar dari Greece untuk membuat kapal tempahan beliau itu.

Kemudiannya Dr Mahathir dan isteri meluangkan masa untuk minum teh petang di sebuah warong di Pusat Peranginan Kampung Tok Senik.

Di situ beliau juga diberi taklimat mengenai cadangan pusat kesihatan yang akan dibina di pusat itu oleh pengurus projeknya Ashraf Mohamad. --
BERNAMA

ZAA WAT